

0007

U B469 D E B
MAHATHIR - KODING

KUALA LUMPUR, 22 OGOS (BERNAMA) -- KERAJAAN PUSAT TIDAK AKAN CAMPUR TANGAN DALAM KRISIS KEPIMPINAN KERAJAAN NEGERI SABAH EKORAN PEMECATAN TIMBALAN KETUA MENTERI DATUK MARK KODING SEMALAM, SELAGI IA TERTAKLUK KEPADA UNDANG-UNDANG DAN HAK PARTI BERSATU SABAH (PBS), KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

PERDANA MENTERI BERKATA: +SELAGI IA MENGIKUT UNDANG-UNDANG DAN HAK PARTI, KITA TIDAK BOLEH CAMPUR TANGAN.+

BAGAIMANAPUN, BELIAU TIDAK PASTI UNTUK MENYATAKAN SAMA ADA YEADAAN ITU AKAN MEWUJUDKAN KRISIS POLITIK KERANA BELUM MENERIMA LAPORAN LENGKAP MENGENAI APA YANG BERLAKU.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA Pengerusi Barisan Nasional BERKATA DEMIKIAN KEPADA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN PERAYAAN 55 TAHUN PERKHIDMATAN AWAM DI SINI HARI INI.

KETUA MENTERI DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN MEMECAT DATUK KODING YANG JUGA NAIB PRESIDEN PBS DARIPADA KABINET NEGERI KERANA DIKATAKAN TERBABIT DENGAN PAKATAN MENUBUHKAN SEBUAH PARTI BARU. DATUK KODING JUGA MEMEGANG PORTFOLIO PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN NEGERI.

PERDANA MENTERI YANG JUGA MENTERI DALAM NEGERI BERKATA, SEBELUM INI BELIAU ADA MENDENGAR TENTANG PERSELISZHAN YANG BERLAKU DI NEGERI ITU TETAPI TIDAK MENDUGA IA MENJADI BEGITU SERIUS SEHINGGA TIMBALAN KETUA MENTERI DIPECAT. -- LAGI.

1537MST 22 08 89

0678

U B484 D E B
MAHATHIR - KODING 2 KUALA LUMPUR

KATANYA, DATUK PAIRIN TIDAK ADA MENEMUI ATAU MENGHUBUNGINYA BERHUBUNG PERKARA ITU TETAPI BELIAU MENDENGARNYA DARIPADA DATUK KODING YANG MENYATAKAN KEMUNGKINAN BELIAU DISINGKIR.

TAMBAHNYA, BELIAU DIBERITAHU MENGENAI PERKARA ITU OLEH DATUK KODING BEBERAPA HARI LEPAS.

+SAYA TIDAK BERANI UNTUK MENYATAKAN APA-APA KERANA BELUM MENERIMA LAPORAN PENUH... (SAMA ADA) SEORANG SAHAJA ATAU ADA YANG LAIN (DIPECAT),+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

MENGENAI KEMUNGKINAN PILIHAN RAYA KECIL DIADAKAN, PERDANA MENTERI BERKATA, SEBOLEH-BOLEHNYA KERAJAAN MAHU MENGELAKKAN PILIHAN RAYA KECIL TETAPI BELIAU TIDAK PASTI SAMA ADA KES ITU TERTAKLUK DALAM PERATURAN DI NEGERI ITU SUPAYA SESEORANG YANG MELETAKKAN JAWATAN DARIPADA SESUATU PARTI HENDAKLAH MENGOSONGKAN KERUSI DEWAN UNDANGAN NEGERI.

+KALAU BOLEH KITA NAK ELAKKAN PILIHAN RAYA KECIL TETAPI SAYA DIMAKLUMKAN BAHAWA SESEORANG YANG MELETAKKAN JAWATAN DARIPADA PBS HENDAKLAH MELETAKKAN JAWATAN (SEBAGAI WAKIL RAKYAT) DAN DIADAKAN PILIHAN RAYA KECIL.

+TETAPI DALAM KES INI SAYA DAPATI DIA BUKAN LETAK JAWATAN TETAPI DIKELUARKAN. SAYA TIDAK TAHU SAMA ADA UNDANG-UNDANG ITU KENA ATAU TIDAK KENA (DENGAN KES ITU),+ KATA PERDANA MENTERI.

PERLEMBAGAAN NEGERI SABAH MENETAPKAN SESEORANG WAKIL RAKYAT YANG MELETAKKAN JAWATAN ATAU DIPECAT KEANGGOTAAN PARTINYA AKAN TERPAKSA MENGOSONGKAN KERUSINYA DAN PILIHAN RAYA KECIL DIADAKAN. -- LAGI.

1611MST 22 08 89

U B485 D E B
MAHATHIR - KODING 3 KUALA LUMPUR

EKORAN PEMECATAN BELIAU DARIPADA KERAJAAN **NEGERI**, DATUK KODING **MENCABAR** DATUK **PAIRIN** SELAKU PRESIDEN-PBS SUPAYA MEMECATNYA DARIPADA **PARTI**.

APABILA DITANYA MENGENAI PENDIRIAN MALAYSIA TIDAK MAHU MENGANGGOTAI **MAJLIS PERTUBUHAN KOKO ANTARABANGSA (ICCO)**, **PERDANA MENTERI BERKATA**, TERLALU AWAL **BAGI MALAYSIA** MENYERTAI PERTUBUHAN ITU **MEMANDANGKAN** NEGARA BARU MENCEBURI BIDANG PENGELUARAN KOKO.

KATANYA, **INDUSTRI KOKO** NEGARA SEDANG MENINGKAT DAN SEKIRANYA MENYERTAI PERTUBUHAN **ITU SEKARANG**, KOKO NEGARA AKAN DIKENAKAN KOUTA YANG **MUNGKIN** MENJEJASKAN PERKEMBANGANNYA.

+KITA BUKANLAH PENGELUAR YANG **BESAR...JADI KITA** PERLU LAH MENENTUKAN KEMAMPUAN **KITA DAHULU**,+ KATANYA.

SEMALAM, MENTERI PERUSAHAAN UTAMA DATUK SERI DR LIM KENG YAIK **BERKATA**, MALAYSIA TETAP DENGAN PENDIRIAN TIDAK MAHU MENYERTAI PERTUBUHAN **ITU** SELAGI PERTUBUHAN **ITU** TIDAK MEMBETULKAN **+SOAL RUMAHTANGGANYA+**.

BAGAIMANAPUN, DATUK SERI DR MAHATHIR **BERKATA**, KERAJAAN SEDANG MENKKAJI **TENTANG** BAIK BURUKNYA MALAYSIA MENGANGGOTAI **ICCO**, YANG MENTADBIRKAN PERJANJIAN KOKO ANTARABANGSA (**ICA**). -- BERNAMA. /SB.
1613MST 22 08 89